

## **CADANGAN BANTUAN ZAKAT ASNAF AL-RIQAB TERHADAP BANDUAN MELALUI LATIHAN VOKASIONAL DI PENJARA: KAJIAN DI PENJARA WANITA KAJANG, SELANGOR**

Khairani Ishak<sup>1</sup>, Ima Mardhiyah Dawi Cahyono<sup>2</sup>, Hairunnizam Wahid<sup>3</sup>, Sanep Ahmad<sup>4</sup>

### **ABSTRACT**

The prison recovery programs involving vocational training program is expected to change the attitude of prisoners towards a more positive and encourage them to become entrepreneurs. Therefore, this study suggests zakat capital support by Lembaga Zakat Selangor (LZS) to prisoners through vocational training programs in prisons and also to ex-convicts who wish to become an entrepreneurs after getting out of prison. Hence this study will examine to what extent this has changed the attitude of the prisoner after undergoing training in prisons and allow them to receive zakah contribution and continuous monitoring to be a good entrepreneur after coming out of prison. The study focused on inmates in two types of vocational workshops namely (1) Bengkel Amanah (skilled inmates) and (2) Bengkel Perusahaan (training inmates) in prison. The data was based on 68 respondents which represent the total number of 152 participants in vocational section from Penjara Wanita Kajang including the views from a prison officer from Vocational and Industrial Section. Data were analyzed using factor analysis to establish the construct and analysis of variance. The study found a significant positive changes in attitude within the prisoners, and majority of respondents from Bengkel Amanah is keen to start their own businesses with the help of zakat capital support, and expects continuous guidance from the LZS. This study is expected to be helpful to the LZS in diversifying the forms of distribution of Zakat and indirectly expect the blessing of charity towards the process of educating the soul of this group become more useful, trustworthy, responsible and able to survive while adapting to society. Some implications are discussed in this study.

**Keywords:** Al-Riqab, Changes of prisoners's attitude, zakah contribution

### **ABSTRAK**

Program pemulihan di penjara yang melibatkan program vokasional dijangka dapat mengubah sikap banduan ke arah yang lebih positif dan menarik minat mereka untuk menjadi usahawan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bantuan modal zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada banduan melalui program latihan vokasional di penjara dan juga kepada bekas banduan yang berminat menjadi usahawan setelah keluar daripada penjara. Justeru kajian ini akan mengkaji sejauh manakah banduan ini telah berubah sikap setelah menjalani latihan di penjara dan memungkinkan mereka mendapat bantuan modal zakat dan pemantauan secara berterusan untuk menjadi usahawan yang baik setelah dibebaskan. Kajian memfokuskan kepada banduan dalam dua jenis bengkel vokasional iaitu (1) bengkel amanah (banduan mahir) dan (2) bengkel perusahaan (banduan pelatih) di penjara. Data kajian berdasarkan responden seramai 68 responden yang mewakili 152 orang jumlah keseluruhan peserta bengkel vokasional dari Penjara Wanita Kajang Selangor termasuklah pandangan daripada seorang pegawai penjara di Seksyen Vokasional dan Industri. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis faktor untuk membentuk beberapa konstruk serta analisis varian. Hasil kajian mendapati wujud perubahan sikap yang positif di dalam diri tahanan dan kajian juga mendapati majoriti responden daripada bengkel Amanah amat berminat untuk membuka perniagaan

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email: khairani@prison.gov.my

<sup>2</sup> Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email: imamardhiyah@gmail.com

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; email: hairun@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Prof Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; email: nep@ukm.edu.my

sendiri dengan bantuan modal zakat dan mengharapkan bimbingan berterusan daripada pihak LZS. Kajian ini dilihat amat bermanfaat kepada LZS di dalam mempelbagaikan bentuk pengagihan dana zakat dan secara tidak langsung mengharapkan keberkatan zakat terhadap proses mendidik jiwa golongan ini menjadi insan yang lebih berguna, amanah dan bertanggungjawab serta dapat meneruskan kehidupan disamping menyesuaikan diri dengan masyarakat. Beberapa implikasi kajian turut dibincangkan dalam kajian ini.

**Kata Kunci:** Asnaf *al-riqab*, Perubahan sikap banduan, bantuan modal zakat

## PENGENALAN

Penjara merupakan satu institusi yang mempunyai fungsinya yang tersendiri di mana ia merupakan satu tempat kumpulan pekerja yang terlatih berkhidmat untuk mengurus dan menjaga satu kumpulan manusia yang bergelar banduan. Sewaktu pemerintahan British, banduan dikenali dengan nama “orang salah” dimana mereka dianggap sebagai satu masyarakat yang tidak berguna kerana melanggar undang-undang kerajaan. Orang salah akan dihukum dan dimasukkan ke dalam penjara untuk disiksa dan dipaksa melakukan kerja berat, kasar serta kotor. Contohnya, mereka dikerah untuk bekerja memecahkan batu dalam berkeadaan kaki diikat dengan rantai besi<sup>5</sup> sebagai salah satu bentuk hukuman ke atas kesalahan semata-mata.

Kini, penjara berperanan untuk menjaga dan memulihkan semula banduan dimana mereka diterapkan dengan pelbagai proses pemulihan termasuklah latihan kemahiran vokasional semasa mereka menjalani hukuman. Terdapat empat fasa yang terlibat dalam Pelan Pembangunan Insan iaitu fasa pemulihan, pengukuhan sahsiah, latihan kemahiran vokasional dan prabebas. Antara program yang terlibat juga adalah program pembinaan disiplin, program pengukuhan sahsiah, program kemahiran dan program kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, matlamat yang lebih utama adalah untuk membentuk keperibadian banduan supaya menjadi insan yang lebih baik dan berguna kepada masyarakat disamping boleh hidup berdikari selepas dibebaskan nanti.<sup>6</sup> Menurut (Azizi Yahya, 2004) latihan kemahiran vokasional merupakan program yang penting dan berkesan untuk pelatih menimba pengetahuan dan kemahiran sebagai bekalan ilmu untuk diri pelatih.

Keempat-empat fasa yang telah disusun ini merupakan program yang terbaik oleh Jabatan Penjara Malaysia tetapi kejayaan program adalah bergantung kepada keberkesannya terhadap banduan. Contohnya, latihan kemahiran vokasional dianggap berjaya sekiranya banduan cenderung kepada bidang keusahawanan dan ingin menjadi usahawan selepas dibebaskan. Oleh itu, kajian ini cuba merungkai dan melihat sejauh manakah keberkesanan program tersebut membawa perubahan kepada banduan setelah dibebaskan dan seterusnya ingin mengubah diri dengan menjadi usahawan setelah mereka dibebaskan daripada penjara kelak. Golongan banduan ini boleh dikelaskan kepada asnaf *al-riqab* dimana pendefinisian telah diperluaskan dan diperincikan bersesuaian dengan keadaan masa kini. Fatwa negeri Selangor telah memperuntukkan di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Negeri Selangor 2003 bahawa asnaf *al-riqab* adalah golongan yang terbelenggu dengan kes masalah sosial ( jenayah syariah, dadah, amalan hidup songsang, kes juvana, penyakit kronik) dan masalah akidah (syirik, kurafat, akidah terpesong). Golongan ini layak menerima zakat melalui perantara mana-mana institusi, pusat, NGO Islam dan individu perseorangan yang dibenarkan oleh undang-undang dan Hukum Syara' yang berfungsi melaksanakan tugas-tugas membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulih asnaf *al-riqab* supaya dapat menjalani

<sup>5</sup> Kusnin Kusno. (1978). Majalah Penjara. Diterbitkan oleh Jabatan Pegawai-Pegawai Penjara Semenanjung Malaysia

<sup>6</sup> PKP Wan Ramzan bin Wan Ahmad, Bahagian Pengurusan Banduan, Seksyen Vokasional dan Industri Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Temubual pada 24 April 2015.

kehidupan sempurna secara Islam. Ini selari dengan kajian (Mahadi & Wan Mohamad Khairul Firdaus, 2013) yang mengkategorikan asnaf al-riqab ini sebagai golongan yang terbelenggu dengan masalah jenayah dan dadah.

Terdapat pelbagai tafsiran mengenai pengagihan zakat kepada lapan golongan asnaf ini. Di Johor pembahagian zakat dibahagikan kepada tujuh golongan sahaja dengan tidak memasukkan asnaf *al-riqab* sebagai penerima kerana menganggap golongan hamba tidak lagi wujud pada masa kini. Di Melaka pula walaupun masih mengiktiraf golongan asnaf al-riqab sebagai penerima zakat, namun tiada pengagihan yang dibuat untuk golongan ini pada tahun 2006 dan 2007 kerana beranggapan tafsiran ini sudah tidak sesuai. Seterusnya di Pulau Pinang Muzakarah Penetapan Dan Pengesahan Hukum Dan dasar Agihan MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) bersetuju untuk tidak mengagihkan zakat kepada golongan al-riqab ini sebaliknya membataskannya kepada membebaskan hamba sahaja (E.M. Tajuddin 2011) Oleh itu, kajian ini juga ingin melihat sejauh mana golongan tahanan ini mahu meneruskan aktiviti keusahawanan apabila dibebaskan nanti dengan mencadangkan sumber pembiayaan dan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor. Bagi umat Islam, bidang keusahawanan memainkan peranan penting dalam pembentukan tamadun sejak zaman Rasulullah lagi khususnya pada awal kedatangan Islam. Rasulullah dan para sahabat sendiri telah membuktikan bahawa perniagaan merupakan sumber utama dalam menggerakkan ekonomi umat Islam. Selain itu, perniagaan yang dilakukan secara Islam adalah jauh lebih telus dan tidak mengandungi unsur-unsur terlarang seperti penipuan, judi, riba dan *gharar* dan ini bersesuaian dengan ayat al Quran yang bermaksud:

*“Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”* al-Baqarah (2):275

Kesinambungan kepada itu, keusahawanan juga dilihat merupakan penghubung antara peniaga dan masyarakat dan secara tidak langsung ia dapat mendidik golongan tahanan ini untuk bergaul dengan masyarakat supaya dapat menutup ruang dan peluang untuk mereka kembali melakukan jenayah lampau (Ab. Mumin & Suhaili, 2005). Golongan asnaf *al-riqab* ini telah disebut sebagai salah satu golongan penerima zakat di dalam Al-Quran, namun golongan ini dilihat jarang disebut pada masa kini memandangkan terdapat sesetengah negeri yang tidak mengiktiraf golongan ini sebagai penerima zakat. Persoalannya, wujudkah peluang untuk golongan asnaf *al-riqab* ini untuk mendapat hak seperti golongan asnaf fakir dan miskin yang lain dalam usaha untuk memajukan diri mereka ke arah yang lebih baik dan positif?

### KAJIAN LEPAS

Banyak kajian lepas membincangkan aspek program bagi proses pemulihan banduan, terutamanya membincangkan tentang tahap keberkesanan latihan vokasional bagi tujuan menghasilkan banduan yang boleh hidup berdikari (Siti Zabadah, 2007), (Siti Sarah, 2008), (Azizi Yahaya & Jesmin, 2011), dan (M. Rashid & M. Fa'iz, 2011) termasuklah perubahan sikap serta pembentukan semula personaliti diri dengan harapan untuk diterima bekerja apabila dibebaskan kelak (Zainuddin & Farhana, 2008). Proses pemulihan berasaskan latihan vokasional adalah antara pendekatan yang diaplikasikan di setiap penjara bagi memastikan banduan dapat memulakan kehidupan baru selepas dibebaskan (Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi). Kajian Rashid & Fa'iz (2011) mendapati terdapat perubahan sikap yang positif dimana pelatih di Pusat Serenti Tampoi berjanji untuk mengamalkan tingkah laku yang baik dan akan berusaha untuk menjadi individu yang baik. Menurut Hassan (2007) faktor sikap positif mendorong usahawan untuk berjaya dan bertahan lama dalam perniagaannya. Dalam masa yang sama, pengalaman dan kemahiran yang diperolehi disamping perubahan tingkah laku yang positif amat berguna bagi banduan kembali menyertai masyarakat setelah dibebaskan (Wan & Najibah, 2012).

Terdapat banyak kajian mendapati latihan vokasional yang banduan sertai mendorong mereka menjadi seorang usahawan selepas dibebaskan kelak iaitu Rashid

dan Fa'iz (2011), Zainuddin dan Farhana (2008), dan Siti Sarah (2008). Kajian tersebut telah merumuskan banduan mempunyai cita-cita untuk menjadi usahawan atas beberapa sebab iaitu (1) lebih selesa untuk bekerja sendiri, (2) meningkatkan taraf kehidupan dan menyara keluarga serta (3) ingin bergaul dengan masyarakat. Sementara itu, kebanyakan pelatih terdorong untuk menjadi usahawan selepas tamat latihan (Zaidatol dan Habibah;1998, Buerah et al;2012, dan Menurut Buerah et al (2012) dan Fauzilah et al (2011), tinggi atau rendah pendidikan formal yang dimiliki seseorang usahawan bukan faktor utama menjadi usahawan berjaya tetapi ia sebenarnya terdorong daripada pendedahan dan penglibatan dalam latihan keusahawanan yang dihadiri.

Antara isu yang sering dibangkitkan adalah berkait rapat dengan masalah yang belum selesai seperti isu stigma masyarakat terhadap bekas banduan dan kesukaran untuk mendapat pekerjaan mendorong mereka kembali melakukan jenayah dan kesalahan lampau. Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah memberi sokongan dan bantuan modal kepada bekas banduan untuk memulakan perniagaan (Zainuddin & Farhana, 2008) kerana aktiviti keusahawanan dilihat mampu menjadi penghubung antara peniaga dan masyarakat (Ab. Mumin & Suhaili, 2005).

Sebelum ini, agihan zakat dalam bentuk bantuan modal perusahaan dan perniagaan telah mula diagihkan terutama kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang berpotensi untuk maju, namun ianya terhad hanya kepada golongan yang layak dan memenuhi syarat tertentu sahaja. Golongan asnaf yang lain seperti mualaf, *fisabilillah*, *ibnu sabil*, *al-riqab* dan *Al-Gharimin* pula kurang diberi keutamaan ini kerana harta zakat ini diagih mengikut keutamaan dan berdasarkan lebihan dan keperluan (Sanep, 2009). Justeru itu, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan bersetuju bantuan zakat diagihkan dalam bentuk modal dan menerima pembaharuan pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM).

Penglibatan langsung institusi zakat dalam pemberian sumbangan modal juga amat diperlukan dan dalam masa yang sama bantuan modal ini dilihat berjaya membuka peluang baru untuk golongan asnaf menjadi usahawan disamping dapat meningkatkan ekonomi ummah. Namun begitu, bantuan berupa modal ini pernah dibekukan seketika pada tahun 2010 berikutan tidak menampakkan sebarang kemajuan dari segi peningkatan ekonomi asnaf dan kemajuan perniagaan (Azman et. al, 2014) serta peratus kegagalan bantuan modal zakat juga agak tinggi (Rosbi, Sanep & Hairunnizam, 2008).

## METODOLOGI KAJIAN

Analisis kajian ini adalah terhadap banduan di Penjara Wanita Kajang khususnya peserta bengkel Amanah (mahir) dan bengkel Perusahaan (belum mahir) untuk melihat sejauh mana program latihan vokasional ini dapat mengubah sikap tahanan menjadi warga yang lebih baik serta menarik minat banduan untuk menceburi bidang keusahawanan apabila dibebaskan nanti. Pemilihan Penjara Wanita Kajang ini adalah kerana kepelbagaian bengkel yang dianjurkan oleh pihak Penjara Wanita Kajang dengan terdapat penyertaan banduan yang ramai dengan jumlah 152 orang banduan terlibat.

Persampelan dilakukan secara rawak mudah dimana borang soal selidik diedar dengan melalui bantuan pegawai Penjara Wanita Kajang yang mengandungi 9 soalan demografi dan 17 soalan pemboleh ubah yang merangkumi 4 faktor ke atas 100 individu, namun hanya 68 sampel dapat digunakan. Daripada 68 orang responden 14 orang adalah warganegara Islam manakala 54 orang lagi adalah daripada bukan warganegara yang beragama Islam. Jumlah warganegara Islam mewakili 12 peratus daripada jumlah keseluruhan manakala status bukan warganegara yang beragama Islam adalah mewakili 14 peratus daripada keseluruhan banduan. Jumlah peratusan sampel yang diperolehi dianggap boleh dipercayai walaupun menurut (Krejcie and Morgan, 1970) saiz sampel perlulah 80 responden daripada 100 populasi berikutan kekangan untuk mendapatkan responden warganegara beragama Islam disebabkan bilangan mereka yang sedikit, sukar mengumpulkan semua peserta bengkel dalam satu masa, jumlah banduan yang sentiasa

berubah-ubah serta proses mendapatkan data yang melibatkan ramai pegawai serta maklumat yang sulit dan rahsia. Soalan tersebut dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A; Latar Belakang Responden. Bahagian B; Pandangan Banduan terhadap Program Keusahawanan yang Dijalankan. Bahagian C; Minat untuk mendapat bantuan Lembaga Zakat Selangor. Kesemua soalan di bahagian B yang merupakan pemboleh ubah yang dikaji adalah dalam bentuk skala likert iaitu bernilai 1 sekiranya persepsi responden adalah sangat tidak bersetuju hingga ke nilai 5 iaitu persepsi responden adalah sangat bersetuju.

**Jadual 1: Demografi Banduan**

| <b>Item</b>                           | <b>Peratusan(%)</b> |
|---------------------------------------|---------------------|
| <b>Tahap Pendidikan</b>               |                     |
| Tidak Bersekolah                      | 30.4                |
| UPSR/PMR/SPM                          | 40.2                |
| Sijil                                 | 11.8                |
| Diploma/STPM                          | 11.8                |
| Sarjana Muda ke atas                  | 5.9                 |
| <b>Produk Penjara Yang Dihasilkan</b> |                     |
| Jahitan                               | 14.3                |
| Batik                                 | 5.4                 |
| Bakeri                                | 10.7                |
| Makanan                               | 53.6                |
| Kraftangan                            | 5.4                 |
| Dobi                                  | 10.7                |
| <b>Jenis latihan vokasional</b>       |                     |
| Perusahaan                            | 49.1                |
| Amanah                                | 50.9                |
| <b>Pengalaman Latihan Vokasional</b>  |                     |
| Kurang 3 bulan                        | 60.7                |
| 3 bulan hingga setahun                | 21.4                |
| Lebih setahun                         | 17.9                |
| <b>Usahawan sebelum ke penjara</b>    |                     |
| Pernah                                | 34.1                |
| Tidak Pernah                          | 65.9                |

Kajian ini menggunakan Analisis Varians (ANOVA) sebagai alat kajian kerana ia boleh digunakan untuk menentukan kebarangkalian perbezaan min merentasi beberapa kumpulan responden dan ia adalah lebih fleksibel berbanding ujian-t (Hair et. al, 2006; h. 390). Di samping itu, kajian ini akan menggunakan ANOVA khususnya ujian ANOVA satu hala kerana ia berupaya membandingkan kumpulan responden yang berbeza antara satu pemboleh ubah bersandar (faktor) dengan dua atau lebih pemboleh ubah yang lain (Shavelson, 1988; p.342). Hipotesis kajian ini adalah majoriti responden dari bengkel amanah cenderung untuk menjadi usahawan mengikut nilai min bagi setiap soalan konstruk yang mewakili tiga aspek utama iaitu minat menjadi usahawan, faktor ekonomi dan bantuan modal LZS. Kajian ini juga menjangkakan bahawa wujud perbezaan yang tidak signifikan antara kecenderungan menyertai keusahawanan di antara kumpulan

responden ini (hipotesis nol,  $H_0$ ). Kajian ini juga akan menguji dan menganalisis perubahan sikap dan minat menjadi usahawan di antara kedua peserta bengkel ini jika perbezaan min memang wujud. Jika nilai  $p < 0.05$ , maka hipotesis nol boleh ditolak ( $H_0$ ) dan menerima hipotesis alternatif ( $H_a$ ) jika terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan-kumpulan yang dibincangkan sebelum ini dan sebaliknya.

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden adalah berlatarkan pendidikan sehingga SPM iaitu 40.2 peratus, mengikuti bengkel makanan 53.6 peratus, Peserta bengkel Amanah sebanyak 50.9 peratus, mempunyai pengalaman bekerja di bengkel kurang dari 3 bulan dan tidak pernah mempunyai perniagaan sebelum ke penjara 65.9 peratus. Daripada jumlah responden yang diambil, hanya 20 peratus daripada responden adalah beragama Islam dan bertaraf warganegara. Oleh itu, data ini dianggap boleh dipercayai dan benar memandangkan kesukaran untuk mengenalpasti responden Islam dan berstatus warganegara.

### HASIL KAJIAN

Berdasarkan Jadual 2, majoriti banduan yang menjadi di responden di dalam kajian ini tidak pernah menjalankan sebarang perniagaan sebelum ini iaitu sebanyak 65.9 peratus berbanding 34.1 peratus yang pernah menjalankan perniagaan. Dengan anjuran bengkel keusahawanan ini dijangkakan dapat menarik minat mereka untuk menjalankan perniagaan sendiri apabila dibebaskan nanti disamping penawaran sumber bantuan yang dicadangkan daripada LZS. Diharapkan dengan keberkatan sumber zakat dapat mengubah sikap banduan menjadi lebih positif dan dapat bergaul dengan masyarakat melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan ini. Hasil kajian ini mendapati tahap kebolehpercayaan soalan adalah baik. Nilai alpha Cronbach bagi skala keseluruhan adalah 0.907 untuk minat menjadi usahawan, 0.832 untuk faktor ekonomi dan 0.982 untuk modal LZS. Ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan soalan adalah amat baik. Oleh itu hasil kajian ini adalah sesuai untuk dibincangkan dan dianalisis dengan lebih lanjut.

**Jadual 2: Hasil ujian daripada Analisis Faktor**

| Kelompok Faktor                                                | Muatan Faktor | Min <sup>1</sup> | $\alpha$ Cornbach | Varian s (%) |
|----------------------------------------------------------------|---------------|------------------|-------------------|--------------|
| <b>Minat menjadi usahawan</b>                                  |               |                  | .907              | 73.15        |
| (1) Menjadi Usahawan berjaya                                   | 0.810         | 4.33             |                   |              |
| (2) Yakin memulakan perniagaan                                 | 0.910         | 4.06             |                   |              |
| (3) Kerjaya usahawan menarik minat                             | 0.876         | 4.22             |                   |              |
| (4) Usahawan mudah bercampur dengan masyarakat                 | 0.802         | 4.09             |                   |              |
| (5) Berminat menjadi usahawan sekiranya ada peluang dan sumber | 0.874         | 4.28             |                   |              |
| <b>Faktor ekonomi</b>                                          |               |                  | .832              | 79.06        |
| (1) Untuk menyara keluarga                                     | 0.905         | 4.44             |                   |              |
| (2) Untuk meningkatkan taraf hidup                             | 0.857         | 4.33             |                   |              |
| (3) Ingin berubah dan bergaul dengan masyarakat                | 0.838         | 4.38             |                   |              |
| (4) Untuk mendapat keuntungan dan membuat kebajikan            | 0.953         | 4.49             |                   |              |
| <b>Modal LZS</b>                                               |               |                  | .982              | 96.50        |
| (1) Yakin berniaga dengan bantuan LZS                          | 0.985         | 4.43             |                   |              |
| (2) Yakin dengan keberkatan sumber zakat                       | 0.942         | 4.44             |                   |              |
| (3) LZS perlu sebagai pembimbing                               | 0.987         | 4.39             |                   |              |
| (4) Menjadi lebih yakin untuk bergaul dengan masyarakat        | 0.985         | 4.42             |                   |              |

Nota: <sup>1</sup> Min berdasarkan nilai skala likert; nilai 1=sangat tidak setuju hingga nilai 5=sangat setuju

Bartlett's Test of Sphericity: signifikan pada aras keertian 1%

Kajian ini menganalisis sejauh mana tahap kepuasan responden dalam aspek minat untuk menjadi usahawan. Jadual 3 menunjukkan seramai 11.2 peratus responden menyatakan tidak pasti dan tidak setuju untuk menjadi usahawan apabila dibebaskan nanti. Malah sejumlah 16.7 peratus responden menyatakan tidak pasti dan tidak setuju bahawa mempunyai keyakinan untuk memulakan perniagaan. Selain itu, 14.9 peratus menyatakan kerjaya sebagai usahawan menarik minat mereka. Berdasarkan kepada pemerhatian juga menunjukkan 18.9 peratus responden berpandangan bahawa menjadi usahawan memudahkan mereka untuk bergaul dengan masyarakat. Seterusnya, 11.3 peratus responden menyatakan berminat untuk menjadi usahawan sekiranya diberi peluang dan mendapat sumber bantuan modal daripada LZS. Responden akan lebih berminat menjadi usahawan apabila merasakan faktor-faktor sekeliling seperti faktor ekonomi. Ini dapat ditunjukkan melalui jadual 4 iaitu kesan faktor ekonomi terhadap perubahan sikap mereka.

**Jadual 3: Tahap kepuasan responden dalam Aspek minat menjadi usahawan**

| Item                                                           | Skala <sup>1</sup> |            |             |              |              | Min <sup>2</sup> |
|----------------------------------------------------------------|--------------------|------------|-------------|--------------|--------------|------------------|
|                                                                | 1                  | 2          | 3           | 4            | 5            |                  |
| (1) Menjadi Usahawan berjaya                                   | 0<br>(0.0)         | 1<br>(1.9) | 5<br>(9.3)  | 23<br>(42.6) | 25<br>(46.3) | 4.33<br>[0.09]   |
| (2) Yakin memulakan perniagaan                                 | 0<br>(0.0)         | 2<br>(3.7) | 7<br>(13.0) | 31<br>(57.4) | 14<br>(25.9) | 4.06<br>[0.10]   |
| (3) Kerjaya usahawan menarik minat                             | 0<br>(0.0)         | 1<br>(1.9) | 7<br>(13.0) | 25<br>(46.3) | 21<br>(38.9) | 4.22<br>[0.10]   |
| (4) Usahawan mudah bercampur dengan masyarakat                 | 0<br>(0.0)         | 1<br>(1.9) | 9<br>(17.0) | 27<br>(50.9) | 16<br>(30.2) | 4.09<br>[0.10]   |
| (5) Berminat menjadi usahawan sekiranya ada peluang dan sumber | 0<br>(0.0)         | 1<br>(1.9) | 5<br>(9.4)  | 25<br>(47.2) | 22<br>(41.5) | 4.28<br>[0.09]   |

Nota: <sup>1</sup> berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju;

5 sangat setuju

<sup>2</sup> nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 4.22

( ) nilai peratus daripada jumlah responden

[ ] nilai ralat piawai bagi nilai min

**Jadual 4: Tahap kepuasan responden dalam Aspek Ekonomi**

| Item                                             | Skala <sup>1</sup> |            |             |              |              | Min <sup>2</sup> |
|--------------------------------------------------|--------------------|------------|-------------|--------------|--------------|------------------|
|                                                  | 1                  | 2          | 3           | 4            | 5            |                  |
| (1) Untuk menyara keluarga                       | 2<br>(4.0)         | 0<br>(0.0) | 2<br>(4.0)  | 16<br>(32.0) | 30<br>(60.0) | 4.44<br>[0.90]   |
| (2) Untuk meningkatkan taraf hidup.              | 0<br>(0.0)         | 0<br>(0.0) | 5<br>(10.9) | 21<br>(45.7) | 20<br>(43.5) | 4.33<br>[0.66]   |
| (3) Ingin berubah dan bergaul dengan masyarakat. | 0<br>(0.0)         | 0<br>(0.0) | 3<br>(6.7)  | 22<br>(48.9) | 20<br>(44.4) | 4.38<br>[0.61]   |

|                                                     |            |            |            |              |              |                |
|-----------------------------------------------------|------------|------------|------------|--------------|--------------|----------------|
| (4) Untuk mendapat keuntungan dan membuat kebajikan | 0<br>(0.0) | 1<br>(2.1) | 2<br>(4.3) | 17<br>(36.2) | 27<br>(57.4) | 4.49<br>[0.68] |
|-----------------------------------------------------|------------|------------|------------|--------------|--------------|----------------|

Nota: <sup>1</sup> berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju;

5 sangat setuju

<sup>2</sup> nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 4.41

( ) nilai peratus daripada jumlah responden

[ ] nilai ralat piawai bagi nilai min

Jadual 4 menunjukkan tahap kepuasan responden mengenai sumbangan bidang usahawan terhadap aspek ekonomi mereka. Sebanyak 92 peratus responden berpuas hati bahawa perlu menyertai bidang usahawan untuk tujuan menyara keluarga manakala hanya sedikit peratus responden yang tidak setuju dan tidak pasti mengenai perkara ini. Selain itu, 89.2 peratus menyatakan bidang usahawan dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Seterusnya 93.3 peratus merasakan dengan menyertai bidang usahawan mereka dapat berubah ke arah yang lebih baik serta dapat mendekatkan diri dengan masyarakat. Hanya sedikit peratus yang tidak yakin bidang keusahawanan berjaya membantu mereka bergaul dengan masyarakat. Sebanyak 93.6 peratus responden bersetuju bahawa dengan menjadi usahawan akan dapat membantu diri mereka untuk mendapatkan keuntungan di dunia sekaligus membuat kebajikan kepada masyarakat umum.

Jadual 5 menunjukkan tahap kepuasan responden dalam aspek bantuan modal daripada pihak LZS. Sebanyak 94.5 peratus responden menyatakan sekiranya mendapat bantuan modal daripada pihak LZS mereka akan lebih yakin untuk memulakan perniagaan sendiri. Semua responden menyatakan yakin dengan keberkatan sumber zakat dapat membantu merubah mereka menjadi warga yang lebih baik. Responden juga yakin bahawa LZS perlu sebagai pembimbing supaya dapat membantu mereka berubah seterusnya menjadi usahawan yang berjaya. Selain itu, 94.4 peratus responden juga bersetuju lebih yakin untuk bergaul dengan masyarakat sekiranya mendapat bantuan dari LZS.

**Jadual 5: Tahap kepuasan responden dalam Aspek modal LZS**

| Item                                                    | Skala <sup>1</sup> |            |            |              |              | Min <sup>2</sup> |
|---------------------------------------------------------|--------------------|------------|------------|--------------|--------------|------------------|
|                                                         | 1                  | 2          | 3          | 4            | 5            |                  |
| (1) Yakin berniaga dengan bantuan LZS                   | 0<br>(0.0)         | 0<br>(0.0) | 2<br>(5.4) | 17<br>(45.9) | 18<br>(48.6) | 4.43<br>[0.60]   |
| (2) Yakin dengan keberkatan sumber zakat.               | 0<br>(0.0)         | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 20<br>(36.4) | 16<br>(28.4) | 4.44<br>[0.50]   |
| (3) LZS perlu sebagai pembimbing                        | 0<br>(0.0)         | 0<br>(0.0) | 2<br>(5.6) | 18<br>(50.0) | 16<br>(44.4) | 4.39<br>[0.59]   |
| (4) Menjadi lebih yakin untuk bergaul dengan masyarakat | 0<br>(0.0)         | 0<br>(0.0) | 2<br>(5.6) | 17<br>(47.2) | 17<br>(47.2) | 4.42<br>[0.60]   |

Nota: <sup>1</sup> berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju;

5 sangat setuju

<sup>2</sup> nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 4.42

( ) nilai peratus daripada jumlah responden

[ ] nilai ralat piawai bagi nilai min

Kajian juga mendapati kesemua kelompok faktor pula didapati mempunyai korelasi yang baik antara satu sama lain menunjukkan kriteria hubungan kesahan kelompok faktor wujud antara kesemua faktor dan signifikan pada aras keertian 1 peratus.

**Jadual 6: Korelasi antara kelompok faktor**

| Kelompok           | (1)<br>Minat usahawan | (2)<br>Ekonomi | (3)<br>Modal LZS |
|--------------------|-----------------------|----------------|------------------|
| (1) Minat usahawan | 1                     |                |                  |
| (2) Ekonomi        | .617                  | 1              |                  |
| (3) Modal LZS      | .482                  | .571           | 1                |

*Nota:* kesemua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 1%

Adakah wujud perbezaan minat menjadi usahawan, faktor ekonomi dan bantuan modal LZS antara banduan yang menyertai bengkel Amanah dan Bengkel Perusahaan? Jadual 6 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara nilai min ketiga-tiga faktor tersebut terutamanya dalam aspek penerimaan bantuan modal daripada LZS. Kajian mendapati kesemua min adalah secara relatifnya berbeza dalam semua konstruk antara responden. Ini menunjukkan responden yang menyertai bengkel amanah (mahir) mempunyai nilai min secara relatifnya lebih besar berbanding bengkel perusahaan (latihan). Ini jelas menunjukkan responden bengkel amanah (mahir) ini bersetuju bahawa dengan menyertai bengkel vokasional ini dapat mengubah sikap mereka menjadi lebih baik seterusnya menarik minat mereka menjadi usahawan.

**Jadual 7: Perbezaan Min antara konstruk dan Responden**

| Bil | Konstruk       | Responden  | Min <sup>1</sup>        | Ralat piawai |
|-----|----------------|------------|-------------------------|--------------|
| 1   | Minat Usahawan | Perusahaan | 4.04 <sup>a</sup>       | .759         |
|     |                | Amanah     | 4.35 <sup>a</sup>       | .458         |
|     |                | Jumlah     | <b>4.19<sup>a</sup></b> | <b>.636</b>  |
| 2   | Ekonomi        | Perusahaan | 3.97 <sup>a</sup>       | 1.027        |
|     |                | Amanah     | 4.67 <sup>a</sup>       | .398         |
|     |                | Jumlah     | <b>4.38<sup>a</sup></b> | <b>.802</b>  |
| 3   | Modal LZS      | Perusahaan | 4.21 <sup>a</sup>       | .518         |
|     |                | Amanah     | 4.61 <sup>a</sup>       | .564         |
|     |                | Jumlah     | <b>4.45<sup>a</sup></b> | <b>.574</b>  |

*Nota :* <sup>1</sup> Nilai min berdasarkan skala Likert : 1: sangat tidak setuju; 2: tidak setuju;

3: sederhana; 4: setuju; 5: sangat setuju

<sup>a</sup> signifikan pada aras keertian 5%

Jadual 8 menunjukkan sebanyak 57.8 peratus responden daripada Bengkel Amanah berminat menjadi usahawan berbanding Bengkel Perusahaan yang hanya diwakili oleh 42.2 peratus sahaja. Seramai 54 responden sahaja memberi maklumbalas manakala baki 14 responden lagi tidak memberi apa-apa maklumbalas. Responden yang menyertai Bengkel Amanah ini kebanyakannya sudah mahir dan berpengalaman dalam bidang yang diceburi maka secara tidak langsung menjadi faktor yang menarik minat mereka untuk terus menjadi usahawan.

**Jadual 8: Minat Menjadi Usahawan**

| Bengkel | Minat menjadi usahawan | Jumlah |
|---------|------------------------|--------|
|         | Ya                     | Tidak  |

|               |                   |                  |                   |
|---------------|-------------------|------------------|-------------------|
| Perusahaan    | 19 (42.2)         | 8 (88.9)         | <b>27 (50.0)</b>  |
| Amanah        | 26 (57.8)         | 1 (11.1)         | <b>27 (50.0)</b>  |
| <b>Jumlah</b> | <b>45 (100.0)</b> | <b>9 (100.0)</b> | <b>54 (100.0)</b> |

Nota : ( ) peratusan daripada jumlah keseluruhan  
 $X^2$  signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 9 menunjukkan peratus responden yang berminat untuk mendapatkan bantuan modal daripada LZS. Sebanyak 60.6 peratus responden dari Bengkel Amanah yang berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai usahawan dengan bantuan modal daripada LZS dan hanya 35.3 peratus responden yang tidak berminat untuk mendapatkan sumber bantuan modal daripada LZS. Selain itu, 39.4 peratus peserta Bengkel Perusahaan menunjukkan minat untuk menerima bantuan zakat ini manakala 64.7 peratus tidak berminat dengan bantuan modal tersebut. Sebanyak 26.5 % responden yang mewakili 18 responden tidak memberikan maklumbalas mengenai minat untuk menerima bantuan modal zakat daripada LZS.

**Jadual 9: Minat menerima bantuan modal LZS**

| Bengkel       | Minat menerima bantuan LZS |                   | Jumlah            |
|---------------|----------------------------|-------------------|-------------------|
|               | Ya                         | Tidak             |                   |
| Perusahaan    | 13 (39.4)                  | 11 (64.7)         | <b>24 (48.0)</b>  |
| Amanah        | 20 (60.6)                  | 6 (35.3)          | <b>26 (52.0)</b>  |
| <b>Jumlah</b> | <b>33 (100.0)</b>          | <b>17 (100.0)</b> | <b>50 (100.0)</b> |

Nota : ( ) peratusan daripada jumlah keseluruhan  
 $X^2$  signifikan pada aras keertian 10%

### PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Perubahan sikap banduan ke arah yang lebih positif merupakan matlamat utama pihak penjara supaya dapat mengurangkan kadar kemasukan semula banduan tersebut. Selaras dengan itu diharapkan agar penganjuran program keusahawanan dapat meningkatkan kemahiran dan secara tidak langsung menjadi bekalan yang boleh digunakan di luar nanti.<sup>7</sup> Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden dari Bengkel Amanah (mahir) lebih cenderung untuk meneruskan kerjaya sebagai usahawan berbanding responden daripada Bengkel Perusahaan (latihan).

Ini jelas menunjukkan responden yang menyertai Bengkel Perusahaan (latihan) mempunyai motivasi yang lebih rendah untuk menjadi usahawan kerana kurang keyakinan disebabkan mereka masih di dalam fasa pembelajaran. Bagi responden Bengkel Amanah (mahir) ini meneruskan kerjaya sebagai usahawan dapat membantu mereka membuat kebajikan kepada masyarakat disamping menyara keluarga dengan hasil yang diperolehi. Ini menunjukkan perubahan yang positif terhadap perancangan masa depan banduan tersebut. Ini bersesuaian dengan kajian Zainuddin & Farhana Salwa (2008) yang menyatakan latihan vokasional yang dijalankan di penjara ini dapat meningkatkan kemahiran banduan untuk bersikap lebih positif, dapat bekerja dengan orang lain dan meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan banduan berasa lebih yakin untuk menjadi usahawan dengan adanya bantuan daripada pihak LZS. Ini menunjukkan mereka yakin dengan keberkatan sumber yang diperolehi selari dengan pandangan kajian (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009) yang menyatakan faktor keagamaan memberi kesan kepada kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang lebih positif dan akhirnya mengubah gaya hidup seseorang dalam jangka masa panjang. Oleh itu, kajian ini akan mencadangkan pemberian bantuan modal daripada Lembaga Zakat

<sup>7</sup> PKP Wan Ramzan bin Wan Ahmad, Bahagian Pengurusan Banduan, Seksyen Vokasional dan Industri Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Temubual pada 24 April 2015.

Selangor kepada golongan ini supaya golongan ini tidak disisihkan daripada masyarakat berikutan kesukaran mereka mendapatkan bantuan untuk meneruskan kehidupan di luar. Apa yang boleh diketengahkan disini ialah sekiranya LZS bersetuju untuk memberikan bantuan modal ini diharapkan pihak LZS dapat membuat pemantauan berterusan kepada golongan terlibat serta mengadakan kursus secara berkala supaya mereka dapat mengekalkan prestasi dari semasa ke semasa. Selain itu, pengukuhan jati diri melalui program keagamaan juga dilihat menjadi tunggak utama kejayaan seseorang, maka perlu untuk pihak LZS menganjurkan program motivasi supaya golongan ini tidak akan lalai dalam menjalankan amanah yang diberikan.

Kajian ini juga dilihat akan memberi peluang kepada pihak penjara untuk mendapatkan sumber bantuan bagi mempelbagaikan program vokasional ini. Produk-produk yang dihasilkan dilihat dapat memberi keuntungan kepada pihak penjara terutamanya dari sudut sara diri banduan dimana disamping menambahkan pendapatan pihak penjara, produk yang dihasilkan juga dapat digunakan semula oleh banduan dan secara tidak langsung menjimatkan kos pengurusan yang semakin meningkat. Jesteru itu, disarankan juga kepada pihak penjara untuk meningkatkan program keagamaan berikutan faktor keagamaan merupakan aspek penting yang dapat menjamin perubahan sikap yang berterusan.

Antara cadangan lain yang difikirkan sesuai adalah Jabatan Penjara Malaysia perlu terus memantau bekas banduan yang telah dibebaskan dengan mewujudkan peluang pekerjaan ataupun perniagaan agar mereka dapat mengekalkan prestasi dari semasa ke semasa. Menurut Zainuddin dan Farhana (2008), golongan banduan adalah golongan yang terlatih dan mempunyai kemahiran bekerja dengan baik setelah mereka menjalani latihan vokasional. Oleh itu, jabatan penjara boleh menganjurkan beberapa program keusahawanan kepada bekas banduan yang berpotensi contohnya, projek usahawan berkelompok dengan menubuhkan bengkel di luar tembok penjara yang mana mereka diberikan gaji berdasarkan kerja yang mereka hasilkan ataupun menyediakan tempat untuk mereka berniaga secara kecil-kecilan serta membantu memasarkan produk yang dihasilkan. Diharapkan juga walaupun mereka tidak berjaya menjadi seorang usahawan berjaya tetapi sekurang-kurangnya bantuan modal yang diberikan dapat memenuhi tuntutan maqasid syariah dan mendidik mereka menjadi insan yang kaya jiwa walaupun tanpa harta yang banyak.

### KESIMPULAN

Pandangan sinis terhadap golongan ini oleh masyarakat sewajarnya perlu dikurangkan walaupun pada hakikatnya sukar untuk membuang terus persepsi negatif terhadap mereka. Jesteru itu, dengan perubahan diri yang kearah lebih matang dan positif dapat membantu mereka sekurang-kurangnya sebaris dengan masyarakat lain. Namun begitu, faktor dalaman diri banduan itu sendiri sebenarnya menentukan hala tuju hidup mereka terutamanya selepas dibebaskan samada mahu meneruskan hidup dengan kehidupan lalu yang merugikan atau berubah menjadi warga yang lebih produktif dan positif supaya mereka tidak lagi tenggelam dalam arus kemodenan ini. Oleh itu, Institusi penjara dilihat merupakan tempat yang sesuai untuk mereka memperbaiki diri dan sewajarnya golongan ini boleh dianggap bernasib baik kerana diberi peluang kedua meneruskan kehidupan mereka. Selain itu, bantuan yang diharapkan daripada pihak LZS juga diharapkan dapat membantu golongan ini meneruskan kehidupan selaras dengan tujuan utama LZS untuk membantu golongan asnaf yang memerlukan. Semoga dengan adanya bantuan ini seterusnya dapat mengangkat darjat Institusi Islam yang tidak pernah sesekali mengabaikan golongan ini dan seterusnya meningkatkan imej umat Islam di mata umum.

### RUJUKAN

- A. Halim A. Bakar, Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2014). *Pembayaran Zakat Perniagaan Dan Imej Korporat Usahawan Muslim: Satu Kajian Awal Di Daerah*

- Sepang, Selangor. Proceedings Of SMEKI 2014, International Conference Muamalat, Economics & Islamic Finance. pp 220-240.
- Ab. Mumin Ab Ghani & Suhaili Sarif (2005). *Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam masyarakat Islam*. Seminar Keusahawan Islam Peringkat Kebangsaan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Aziz, Y., & Jasemin. (2011). *Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah laku Di Taman Seri Putri Batu Gajah Dan Kompleks Dar-Assa'adah*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- Azizi Yahya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli (2004). *Psikologi Sosial*. Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Bahagian Teknik dan Vokasional. (1988). Kurikulum Sekolah Menengah Vokasional. Kementerian Pendidikan Kuala Lumpur.
- Azman Ab Rahman et. al. (2014). *Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic. Kuala Lumpur.
- Buerah, & Hussin. (2012). *Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Terhadap Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Muslim*. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil. 20.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali (2011). *Ke Arah Penyeragaman Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan Zakat Di Malaysia*. Kertas Kerja yang Dibentangkan di The World Universities 1st Zakat Conference IKAZ (2011) PWTC Pada 22-24 November 2011.
- Fauzilah, Noryati, & Mazuri. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Jualan Peniaga Pasar Malam*. Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Hair, Jr., J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., Tatham, R.L., 2006. *Multivariate data analysis* (6th Ed.), Pearson-Prentice Hall, Upper Saddle River, NJ.
- Hairunnizam W., Sanep A., & Radiah A.K. (2009). *Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin*.
- Hairunnizam W., & Radiah A.K. (2010). *Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amil and Zakat Recipients*. Abdul Ghafar et.al (edt.) Proceedings of Seventh International Conference. The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy. pp. 461-484.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor diakses pada 3 Oktober 2015 daripada [www.muftiselangor.gov.my](http://www.muftiselangor.gov.my)
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement*.
- Kusnin, K. (1978). *Majalah Penjara*. Diterbitkan oleh Jabatan Pegawai-Pegawai Penjara Semenanjung Malaysia.
- Mahadi Mohammad & Wan Mohamad Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2013). *Falsafah pengagihan Zakat Menurut Islam* diambil pada 1 April 2015 daripada <http://www.unisza.edu.my/>.
- Muhd, R., & Muhd, F. (2011). *Pengharapan Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi, Johor*. *Journal Of Education And Counselling* Volume 2. Pages 209-243.
- PKP Wan Ramzan bin Wan Ahmad, Bahagian Pengurusan Banduan, Seksyen Vokasional dan Industri Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Temubual pada 24 April 2015.
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2008). *Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan*. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Bangi
- Sanep Ahmad (2009). *Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat*. Prosiding PERKEM IV. Kuantan Pahang.
- Siti, S. (2008). *Tahap Keyakinan Banduan Yang Menjalani Program Perusahaan Dan Vokasional Di Penjara Kajang Untuk Hidup Berdikari Selepas Dibebaskan*. Universiti Teknologi Malaysia. *Laporan Projek Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Mara.

- Siti, Z. (2007). *Keberkesanan Program Pemulihan Latihan Kemahiran Vokasional Ke Atas Banduan-Banduan Sabitan Di Penjara Sungai Buloh, Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia. *Laporan Projek Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Mara.
- Wan, R., & Najibah. (2011). *Isu Dalam Penahanan Dan Pemulihan Banduan Di Malaysia. Kajian Yang Meliputi Temu Bual Dan Pemerhatian Dilakukan Pada 28 Mac Hingga 1 April 2011 Di Kompleks Penjara Wanita Kajang*.
- Zaidatol, A.L.P., & Habibah. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainuddin Abu Bakar & Farhana Salwa Salihuddin (2008). *Tahap Kemahiran "Employability" Banduan Pra Bebas Di Kompleks Penjara Kluang, Johor*.